



YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN (152446-W)
No 134, Wisma YWP, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur .
Tel : +603 2698 3073/ 2073 Fax : + 603 2698 3075
www.yayasanwp.org.my

KENYATAAN TENDER

Pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) ingin mempelawa syarikat-syarikat Bumiputra yang berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dalam kod bidang berkaitan untuk menyertai panggilan tender seperti berikut:

TENDER	YURAN PENTADBIRAN	TAKLIMAT LAWATAN TAPAK	PEMBELIAN DOKUMEN TENDER
Cadangan Perkhidmatan dan Pencucian Wisma YWP bermula 01 Feb 2026 sehingga 31 Jan 2029 No Tender : WISMAYWP/PER OLEHAN/12/25/P B Jenis Tender : Terbuka (Tempatan) Tempoh kontrak : 36 bulan.	Kaedah : Secara Wang Pos dan Bank Draf sahaja. Tempoh bayaran : 04/12/2025 (Selasa) Sehingga 18/12/2025 (Selasa) Harga Yuran Pentadbiran & Dokumen Tender : RM 250	Tiada sesi taklimat berkenaan tender. Lawatan tapak adalah diwajibkan bagi setiap syarikat dengan mengadakan lawatan tapak selepas pembelian tender secara temujanji dengan wakil Operasi Bangunan Encik Mohd Iswan 03-2698 3073 (ext 105) Emel : iswan@yayasanwp.org.my 10:00 pagi – 4:00 petang.	Tarikh Mula Pembelian : 04/12/2025 (Isnin) Tarikh Tutup Pembelian : 18/12/2025 (Khamis)

Syarat asas tender :

- Berdaftar dengan MOF di bawah kod bidang 221001 - PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PEJABAT.
- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Berstatus syarikat tempatan dan aktif.

Syarat tambahan tender :

- Keutamaan diberikan kepada syarikat yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan Berdaftar dengan MOF di bawah kod bidang 221001 - PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PEJABAT.
- Mempunyai rekod prestasi yang baik berkaitan dengan kerja-kerja pembersihan.

Nota:

Tatacara Pembayaran dan Penghantaran Dokumen Pendaftaran Tender adalah seperti berikut:-

- Pembayaran bagi pembelian dokumen tender hendaklah dibuat secara kiriman wang, bank draf dan wang pos.
- Syarikat hendaklah melampirkan bukti pembayaran, Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah dengan menyatakan nama syarikat dan no. telefon yang mudah dihubungi dan dialamatkan kepada e-mel seperti yang tertera dibawah.
- Dokumen tender akan diberikan secara *softcopy* melalui e-mel setelah bukti pembayaran diterima dan disahkan dalam tempoh 1-2 hari bekerja.

- Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dihantar ke Wisma YWP aras G dengan memasukkan ke dalam peti tender sebelum atau pada 18 Disember 2025 (Khamis) Jam 12:00 Tengahari.
- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan dan keputusan adalah muktamad.
- Hanya syarikat yang disenarai pendek sahaja akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau e-mel.
- Pihak YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN (YWP) tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah ataupun lain-lain tawaran yang dikemukakan tanpa sebarang sebab.
- Pihak YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN (YWP) juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan semasa mengemukakan tawaran harga disebabkan oleh kecuaiian syarikat.
- Sebarang pertanyaan mengenai tender sila hubungi Urusetia Tender seperti dibawah; Puan Wahidah (03-2698 3073/ E-mel : wahidah@yayasanwp.org.my).

Kenyataan Integriti

- **Kejujuran dan Ketepatan Maklumat**

Semua maklumat, dokumen, pernyataan dan data yang dikemukakan dalam tender hendaklah **benar, tepat dan lengkap**. Sebarang maklumat palsu atau menyesatkan boleh menyebabkan pembatalan tender dan tindakan undang-undang.

- **Larangan Rasuah dan Penipuan**

Peserta tender dilarang sama sekali daripada menawarkan, memberi, menerima, atau terlibat dalam sebarang bentuk rasuah, sogokan, penipuan, kolusi atau nepotisme sepanjang proses tender.

- **Pemeliharaan Integriti Proses Tender**

Peserta tender wajib mematuhi semua peraturan, prosedur dan etika tender yang ditetapkan oleh pihak organisasi, termasuk menghadiri taklimat, mematuhi tarikh akhir, dan tidak mengganggu proses penilaian tender.

- **Pendedahan Konflik Kepentingan**

Peserta tender hendaklah **mendedahkan sebarang hubungan atau kepentingan peribadi** yang berpotensi menjejaskan integriti dan objektiviti proses tender.

- **Tindakan terhadap Pelanggaran Integriti**

Sebarang pelanggaran terhadap syarat integriti boleh mengakibatkan:

- Pembatalan tender atau penyingkiran peserta
- Tindakan undang-undang sivil atau jenayah
- Larangan menyertai tender pada masa hadapan

- **Pengesahan Integriti**

Peserta tender hendaklah menandatangani **Kenyataan Integriti Tender** sebagai pengakuan bahawa mereka memahami, menerima dan akan mematuhi semua syarat integriti yang ditetapkan.